



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



# Jurnal **PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN**

JILID 30 Bil. 02

DISEMBER 2016

ISSN 1511-4147

## **Amalan Kepimpinan Instruksional, Budaya Organisasi dan Organisasi Pembelajaran di Sekolah Berprestasi Tinggi Malaysia**

Lim Siew Hui & Jamal @ Nordin bin Yunus, Ph.D

## **An Exploration of The Relationship Between Principal Change Leadership Competencies and Teacher Change Beliefs**

Tai Mei Kin, Ph.D & Omar bin Abdull Kareem

## **Kepimpinan Berinovasi Pentadbir dan Hubungannya dengan Integrasi Teknologi Guru**

Mohd. Izham bin Mohd. Hamzah, Ph.D, Fathiyah binti Mohd Kamaruzaman & Wan Nor Fadriah binti Wan Idris

## **Pengaruh Bimbingan School Improvement Partner (SIPartner) Terhadap Pencapaian Sekolah: Kepimpinan Pengetua Sekolah sebagai Mediator**

Kunalan a/I Kuriaya, Ph.D

## **Kepimpinan Instruksional Pengetua dan Hubungannya dengan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah**

Shafinaz binti A. Maulod, Chua Yan Piaw, Ph.D, Leong Mei Wei & Shahrin bin Alias

## **Amalan Kepimpinan dan Pengetua: Kajian Kes Pembukaan Sekolah Baharu di SMK Sri Layang**

Jamelaa Bibi binti Abdullah, Ph.D & Normala binti Ahmad

# Jurnal **PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN**

JILID 30 Bil. 02

DISEMBER 2016

ISSN 1511-4147



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Diterbitkan Oleh:**

**INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

Kementerian Pendidikan Malaysia

Kompleks Pendidikan Nilai

**71760 BANDAR ENSTEK**

Tel: 06-7979200

<http://iab.moe.edu.my>

e-mel: [iab@iab.edu.my](mailto:iab@iab.edu.my)

**Urusan Penerbitan Oleh:**

**JABATAN PENERBITAN DAN DOKUMENTASI**

Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

Institut Aminuddin Baki

© Institut Aminuddin Baki 2016

**Cetakan Pertama 2016**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Institut Aminuddin Baki terlebih dahulu.

ISSN 1551-4147

**Pengurus Penerbitan**

Marina binti Abas

**Dicetak oleh:**

Reka Cetak Sdn Bhd

12, Jalan Jemuju Empat 16/13D

Seksyen 16, 40200 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-5510 4254 / 03-5510 4758

Faks : 03-5510 4059

e-mel : [rekacetak83@gmail.com](mailto:rekacetak83@gmail.com)

# KANDUNGAN

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |           |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>Amalan Kepimpinan Instruksional, Budaya Organisasi dan Organisasi Pembelajaran di Sekolah Berprestasi Tinggi Malaysia</b><br>Lim Siew Hui<br><i>Institut Aminuddin Baki</i><br><i>Kementerian Pendidikan Malaysia</i><br><br>Jamal @ Nordin bin Yunus, Ph.D<br><i>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia</i>                                                | <b>1</b>  |
| <b>An Exploration of The Relationship Between Principal Change Leadership Competencies and Teacher Change Beliefs</b><br>Tai Mei Kin, Ph.D<br><i>Institut Aminuddin Baki Genting Highlands Branch,</i><br><i>Ministry of Education Malaysia</i><br><br>Omar bin Abdull Kareem<br><i>Universiti Pendidikan Sultan Idris ,</i><br><i>Perak Darul Ridzuan, Malaysia</i> | <b>21</b> |
| <b>Kepimpinan Berinovasi Pentadbir dan Hubungannya dengan Integrasi Teknologi Guru</b><br>Mohd. Izham bin Mohd. Hamzah, Ph.D<br>Fathiyah binti Mohd Kamaruzaman<br><i>Universiti Kebangsaan Malaysia</i><br><br>Wan Nor Fadriah binti Wan Idris<br><i>Sekolah Kebangsaan Dato' Abu Bakar Baginda</i><br><i>43000 Kajang, Selangor</i>                                | <b>43</b> |
| <b>Pengaruh Bimbingan School Improvement Partner (SIPartner) Terhadap Pencapaian Sekolah: Kepimpinan Pengetua Sekolah sebagai Mediator</b><br>Kunalan a/l Kuriaya, Ph.D<br><i>Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands</i><br><i>Kementerian Pendidikan Malaysia</i>                                                                                       | <b>55</b> |
| <b>Kepimpinan Instruksional Pengetua dan Hubungannya dengan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah</b><br>Shafinaz binti A. Maulod,<br>Chua Yan Piaw, Ph.D<br>Leong Mei Wei<br><i>Institut Kepimpinan Pendidikan, Universiti Malaya</i><br><br>Shahrin bin Alias,<br><i>Institut Aminuddin Baki</i><br><i>Kementerian Pendidikan Malaysia</i>                         | <b>73</b> |
| <b>Amalan Kepimpinan dan Pengetua: Kajian Kes Pembukaan Sekolah Baharu di SMK Sri Layang</b><br>Jamelaa Bibi binti Abdullah, Ph.D<br><i>Institut Aminuddin Baki</i><br><i>Kementerian Pendidikan Malaysia</i><br><br>Normala binti Ahmad<br><i>SMK Sri Layang</i><br><i>Genting Highlands</i>                                                                        | <b>93</b> |

**SIDANG EDITOR**  
**JURNAL PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN**

JILID 30 Bil. 02

DISEMBER 2016

ISSN 1511-4147

**PENAUNG**

DR. HAJI ZAINAL AALAM BIN HASSAN  
Pengarah  
Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENASIHAT**

HASHIM BIN MOHD ZIN  
Timbalan Pengarah (*Khidmat Professional*)

MISTIRINE BINTI RADIN

Timbalan Pengarah (*Khidmat Latihan*)

NIK MOHD FAKHRUDDIN BIN NIK AB. RAHMAN

Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

**KETUA EDITOR**

Maryati Binti Athan

**EDITOR**

Abdul Razak bin Abdul Rahim  
Marina binti Abas

**PANEL PEWASIT**

Dr. Kamaruzaman bin Moidunny

Dr. Jeffri bin Idris

Dr. Sham bin Ibrahim

Dr. Rohana binti Abdul Rahim

Dr. Rosnani binti Kaman

Dr. Zarina binti Md Yassin

**PENGURUS PENERBITAN**

Marina binti Abas

**URUS SETIA**

Noorhafidah binti Kamaruddin

## **DARI MEJA EDITOR**

Pemimpin yang menjadikan penyelidikan sebagai satu daripada bidang kerjayanya merupakan seorang yang kaya dengan pengetahuan dan kemahiran hasil daripada kajian yang dijalankannya. Data yang sistematik dikumpulkan melalui penyelidikan akan dapat membantu meningkatkan tahap profesionalisme seorang pemimpin. Proses penambahbaikan pengurusan dan kepimpinan organisasi yang dipimpin juga akan menjadi lebih mudah berpandukan hasil dapatan kajian yang dijalankan. Kajian yang dijalankan apabila dikongsi bersama akan dapat dimanfaatkan bukan sahaja oleh satu pihak sahaja tetapi akan dapat dijadikan panduan oleh pengurus dan juga pemimpin organisasi pendidikan yang lain serta dapat meningkatkan tahap kualiti sesuatu organisasi.

Enam buah artikel yang diterbitkan dalam edisi 2/2016 ini menampilkan dua artikel yang disumbangkan oleh dua orang pensyarah daripada Institut Aminuddin Baki. Dua lagi artikel berjaya dihasilkan dengan kerjasama penyidik daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris manakala satu artikel dengan kerjasama penyidik daripada Universiti Malaya. Satu artikel lagi dihasilkan dengan kerjasama seorang Pengetua daripada sekolah menengah kebangsaan. Penyidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) pula telah menyumbangkan sebuah artikel dengan usaha sama seorang penyidik daripada sebuah sekolah kebangsaan.

Artikel pertama memuatkan maklumat tentang amalan kepimpinan instruksional di sekolah berprestasi tinggi di Malaysia. Artikel kedua berbahasa Inggeris meneroka hubungan antara kecekapan perubahan kepimpinan utama dengan perubahan kepercayaan guru. Artikel ketiga pula, hasil kajian dari UKM tentang kepimpinan berinovasi pentadbir dan hubungannya dengan integrasi teknologi guru

Artikel seterusnya melihat pengaruh bimbingan School Improvement Partners (SIPartner) terhadap pencapaian sekolah. Artikel kelima pula menyingkap persoalan kepimpinan instruksional pengetua dan hubungannya dengan efikasi sendiri guru sekolah menengah.

Sebagai penutup, artikel terakhir meninjau amalan kepimpinan dan pengetua dalam pembukaan sekolah baharu.

Enam artikel ini diharap dapat menjadi satu perkongsian ilmu yang boleh dimanfaatkan oleh pembaca.

Terima kasih diucapkan kepada penulis-penulis yang telah menyumbangkan artikel dan kumpulan pewartu yang dilantik sehingga terbitnya jurnal pengurusan dan kepimpinan 2/2016 ini.

**SELAMAT MEMBACA**

Ketua Editor



# AMALAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL, BUDAYA ORGANISASI DAN ORGANISASI PEMBELAJARAN DI SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI MALAYSIA

Lim Siew Hui  
*Institut Aminuddin Baki*  
*Kementerian Pendidikan Malaysia*

Jamal @ Nordin bin Yunus, Ph.D  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan antara Sekolah Kebangsaan (SK) dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) berprestasi tinggi terhadap amalan kepimpinan instruksional guru besar, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran. Kajian yang berbentuk kuantitatif deskriptif ini dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada instrumen Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS), Organizational Culture Index (OCI), dan Middle School Teacher Survey (MSTS) sebagai instrumen dalam kajian ini. Seramai 286 orang guru telah dipilih secara rawak berstrata daripada 14 buah sekolah rendah berprestasi tinggi dari empat buah negeri di zon utara Malaysia iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min, dan sisihan piawai), dan statistik inferensi (ujian t). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar, budaya organisasi, dan organisasi pembelajaran di sekolah berprestasi tinggi adalah pada tahap tinggi dan memuaskan. Kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan amalan kepimpinan instruksional guru besar dan budaya organisasi yang ditonjolkan di SK dan SJKC berprestasi tinggi. Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak pentadbir pendidikan terutama guru besar sekolah agar dapat dijadikan panduan dan contoh untuk diubahsuai dalam konteks sekolah di Malaysia bagi memantapkan dan mengekalkan sekolah berprestasi tinggi (SBT) yang sedia ada atau membantu sekolah yang berhasrat untuk menjadi SBT dan seterusnya meletakkan pendidikan Malaysia pada taraf world class education`.*

**Kata kunci:** *Kepimpinan instruksional, budaya organisasi, organisasi pembelajaran sekolah berprestasi tinggi, guru besar*

## **PENGENALAN**

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi cabaran dan tekanan besar dalam mendepani persaingan abad ke-21 ini. Persaingan daripada negara-negara lain menuntut kita melakukan satu anjakan besar untuk melangkah ke peringkat pembangunan yang memberangsangkan dan seterusnya mencapai Wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 (Mahathir, 2012, ms.597). Sehubungan itu, salah satu agenda penting kerajaan adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengorak langkah proaktif dengan menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sebagai usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin kompetitif dengan hasrat merintis peluang yang lebih luas ke arah keberhasilan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berdaya saing, dan seterusnya memacu pendidikan negara ke arah pendidikan bertaraf dunia (KPM, 2012). Bersandarkan inisiatif yang telah diperkenalkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam Program Tranformasi Pendidikan (PTK) pada tahun 2009, PPPM menggariskan lima bidang yang diberikan tumpuan iaitu, pra sekolah, literasi dan numerasi, sekolah berprestasi tinggi, tawaran baharu (Bai'ah) kepada pengetua dan guru besar, dan program peningkatan sekolah. Penambahbaikan dan inisiatif bagi bidang fokus sekolah berprestasi tinggi (SBT) dalam PPPM adalah untuk mengekalkan standard kualiti yang tinggi bagi semua sekolah berprestasi tinggi. Dalam hal ini, gaya kepemimpinan instruksional yang dipamerkan oleh para pengetua dan guru besar adalah perkara yang dianggap penting dalam memacu sekolah ke arah sekolah yang berkesan (Ibrahim, Sani, & Rosemawati, 2015; Yusri & Aziz, 2014; Gulcan, 2012; Jamelaa, 2012; Buckner, 2011; Hallinger, 2011). Sehubungan itu, kajian yang dijalankan oleh pengkaji berhubung dengan kepimpinan instruksional yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1985) agak berbeza dengan kajian-kajian yang lepas seperti kajian Ibrahim, Sani & Rosemawati (2015), Ahmad Fauzi (2014), Yusri & Aziz (2014), Michael (2014), Elangkumaran (2012), Gulcan (2012), Jamelaa (2012), Yusri (2012), Quah (2011), Sahin (2011), Valentine dan Prater (2011) dan Horng dan Loeb (2010). Kajian ini melibatkan teori budaya organisasi yang telah dibangunkan oleh Wallach (1983) dan teori organisasi pembelajaran oleh Peter Senge (1990, 2006) dengan menguji amalan kepimpinan instruksional, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran di sekolah berprestasi tinggi. Selain daripada itu, kajian juga ingin mengenal pasti perbezaan antara Sekolah Kebangsaan (SK) dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) berprestasi tinggi terhadap amalan kepimpinan instruksional guru besar, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran berdasarkan persepsi guru-guru di sekolah kajian.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sehingga bulan Julai 2014, sebanyak 115 buah sekolah di seluruh Malaysia telah diumumkan sebagai SBT, antaranya 55 buah sekolah rendah dan 60 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia (IAB, 2014). Berdasarkan data tersebut, jumlah ini hanyalah 1.13% daripada jumlah sekolah-sekolah di Malaysia di mana jumlah sekolah di Malaysia pada bulan Ogos 2014 ialah sebanyak 10,136 buah iaitu terdiri daripada 7,757 buah sekolah rendah dan 2,379 buah sekolah menengah (IAB, 2014). Ini bermakna masih terdapat jurang prestasi yang lebar di antara sekolah-sekolah yang bukan dalam golongan SBT berbanding sekolah yang telah mencapai kepada tahap SBT. Ini menunjukkan taraf kepemimpinan pengetua-pengetua dan guru besar di Malaysia masih tidak memuaskan dan belum mampu membawa sekolah masing-masing ke arah kecemerlangan seperti yang diharapkan oleh KPM. Isu kepemimpinan pendidikan dan pengurusan pendidikan merupakan suatu isu yang telah lama dibincangkan oleh pakar-pakar pendidikan. Ini adalah kerana sebuah sekolah yang berkesan dan cemerlang selalunya diterajui oleh seorang guru besar atau pengetua yang berkesan dan cemerlang (Yusri & Aziz, 2014; Jamilah & Yusof, 2011; Horng & Loeb, 2010).

Laporan Tahunan 2008 Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (JNJK, 2009) khususnya Laporan Eksekutif Pemeriksaan Bertema Kualiti Kepimpinan Sekolah (KKS) terhadap 51 buah sekolah seluruh Malaysia daripada pelbagai kategori dan lokasi bermula dari 16 Mac hingga 30 Julai 2008 turut mendapati kualiti kepimpinan instruksional berada pada taraf Sederhana (67.79%). Ini menjadi isu kritikal dalam mengukuhkan akauntabiliti seorang pengetua dan guru besar yang sepatutnya ditonjolkan oleh seseorang pemimpin pendidikan (James dan Balasandran, 2013). Oleh yang demikian, kajian ini ingin merungkai dengan jelas persoalan sama ada guru besar menjalankan kepimpinan instruksional di sekolah yang diiktiraf sebagai SBT dan apakah bentuk dan sarana sekolah yang boleh memenuhi, menyaingi serta menghadapi sebarang desakan dari luar? Desakan dari luar bukan sahaja merujuk kepada melestari atau meneruskan kecemerlangan sekolah malah menjadi teladan kepada sekolah-sekolah lain.

Dalam melihat kepada pembentukan budaya organisasi dan organisasi pembelajaran di SBT pula, persoalan seterusnya yang perlu diajukan adalah sejauh manakah budaya organisasi diamalkan di SBT? Menurut Hopkins (2005), salah satu faktor penghalang kepada pencapaian sekolah ialah budaya organisasi sekolah. Justeru, reformasi pendidikan harus memberi fokus kepada budaya terlebih dahulu sekiranya mutu pendidikan hendak ditingkatkan. Sekolah-sekolah di Malaysia mempunyai persamaan daripada segi kurikulum, bentuk bangunan, kelayakan guru, dan prasarana. Namun yang membezakan sekolah ialah unsur budaya sekolah dan unsur inilah yang dikatakan penentu pada keberkesanan sekolah (Kotter, 2012; Lunenburg, 2011; Hofstede et al., 2010).

Senge (2006) mencadangkan supaya pengwujudan konsep organisasi pembelajaran perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan KPM 2001-2010 menyarankan bahawa isu dan cabaran dalam pengurusan pendidikan adalah menjadi sebuah *learning organization* dengan menerapkan budaya pembelajaran dan mewacanakan intelektual dalam kalangan personel Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Transformasi pendidikan yang sering dibincangkan pada masa kini juga menjurus kepada pembelajaran sepanjang hayat (KPM, 2012). Sekolah sebagai barisan hadapan KPM berperanan dalam membentuk modal insan semestinya menjadikan organisasinya sebagai hub pembelajaran bagi memikul tanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran individu ke satu tahap yang lebih baik. Oleh yang demikian, pengetua dan guru besar sebagai peneraju organisasi sekolah yang mempunyai kuasa, autoriti dan akauntabiliti perlu memainkan peranan utama dalam merealisasikan sumber manusia yang ada demi mencapai visi dan misi pendidikan di sekolah masing-masing. Setelah sedikit pencerahan yang diberikan di atas, maka timbullah persoalan, sejauh manakah SBT memenuhi ciri-ciri model organisasi pembelajaran?

Bagi tujuan tersebut, amalan kepimpinan instruksional guru besar, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran dengan aliran sekolah iaitu SK dan SJKC turut dikaji dalam kajian ini. Perbezaan aliran sekolah dibuat kerana ia mencerminkan sesuatu budaya yang berbeza di mana SK biasanya diterajui oleh guru besar di kalangan orang Melayu dengan bilangan guru dan murid Melayu yang ramai manakala di SJKC pula, guru besar, guru dan muridnya majoriti terdiri daripada kaum Cina. Namun SK dan SJKC merupakan pelaksana kepada pendidikan rendah wajib yang memainkan peranan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu supaya membantu negara dalam mencapai visi dan misi serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan. SJKC pada asalnya merupakan sekolah vernakular yang dibiayai oleh masyarakat Cina serta pentadbir British dan mulai tahun 1962, kerajaan telah mengumunkan bahawa subsidi penuh hanya diberi kepada SK dan SJKC atau SJKT. Walaupun kini SJKC merupakan sekolah bantuan kerajaan yang menggunakan sukatan pelajaran dan kurikulum yang sama dengan SK tetapi cara pengurusan sekolah adalah berbeza antara satu sama lain yang mungkin dipengaruhi oleh tradisi yang diamalkan selama ini (Ooi & Aziah, 2015). Kajian Elangkumaran (2012) turut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi pentakrifan matlamat sekolah, pengurusan program kurikulum dan pemupukan iklim PdP kepimpinan antara guru besar SK dengan guru besar SJKC.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pelaksanaan amalan kepimpinan instruksional guru besar, budaya organisasi, dan organisasi pembelajaran di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Kajian juga bertujuan menganalisis perbezaan amalan kepimpinan instruksional antara guru besar Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) berprestasi tinggi, serta perbezaan amalan budaya organisasi dan organisasi pembelajaran di SK dan SJKC berprestasi tinggi.

## **KERANGKA KAJIAN**

Kerangka kajian ini diadaptasi dan diubahsuai daripada gabungan antara kerangka Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985), Model Budaya Organisasi Wallach (1983), dan Model Organisasi Pembelajaran Peter Senge (1990, 2006). Kerangka tersebut diguna pakai dalam kajian ini disebabkan model Hallinger dan Murphy (1985) merupakan model yang paling kerap digunakan dalam kajian-kajian mengenai kepimpinan instruksional. Kemantapan model ini telah dibuktikan oleh kajian Hallinger, Wang dan Chen (2013) menunjukkan bahawa bermula tahun 1982, lebih daripada 175 kajian peringkat kedoktoran telah dijalankan dengan menggunakan model Hallinger dan Murphy (1985). Manakala kerangka model Wallach (1983) dianggap sebuah model yang mantap dan mempunyai kaitan dengan kecemerlangan sekolah berdasarkan hasil dapatan kajian-kajian yang lepas (Ong, 2012; Jamal 2009; Zuliana & Khalil, 2008). Selain itu, kerangka model Peter Senge (1990, 2006) telah dipilih dalam konteks kajian ini adalah disebabkan model tersebut paling kerap digunakan dalam kajian-kajian mengenai organisasi pembelajaran yang menjurus kepada kecemerlangan sekolah (Ong, 2012; Thilagavathy, Aziah, & Kenesan, 2012; Foniza & Izham, 2012; Fuziah & Izham, 2011; Jamal 2009).

Peter Senge (1990, 2006) telah mengemukakan lima dimensi yang saling berkaitan dalam model pembelajaran organisasi iaitu (i) pemikiran bersistem, (ii) pembelajaran berpasukan, (iii) kecekapan sendiri, (iv) model mental, dan (v) perkongsian wawasan dengan memberi penekanannya kepada cara ahli-ahli organisasi memikirkan tentang sistem-sistem yang saling berinteraksi, cara mereka belajar secara berpasukan, meningkatkan kecekapan sendiri, mempunyai model mental yang jelas dan mempunyai wawasan yang dibentuk secara perkongsian dalam kalangan mereka. Berpandukan teori-teori dan literatur mengenai kepimpinan instruksional, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran seperti yang dibincang di atas, maka kajian ini akan meneroka amalan kepimpinan instruksional guru besar, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran di sekolah-sekolah berprestasi tinggi.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Kepimpinan Instruksional**

Kepentingan peranan pemimpin yang berkesan tidak dapat dinafikan terutamanya untuk menghasilkan sekolah-sekolah yang berjaya dan berprestasi tinggi. Bukti dari literatur (Ibrahim, Sani, & Rosemawati, 2015; Yusri & Aziz, 2014; Azlin, Jamalullail, Sattar, dan Norhayati, 2013; James & Balasandran, 2013; Elangkumaran, 2012; Gulcan, 2012; Jamelaa, 2012; Buckner, 2011; Hallinger, 2011; Quah, 2011; Sahin, 2011) menunjukkan peranan kepemimpinan instruksional yang dimainkan oleh para pengetua dan guru besar adalah perkara yang dianggap

penting dalam memastikan kejayaan akademik sesebuah sekolah dan seterusnya memacu sekolah ke arah sekolah yang berkesan. Definisi kepimpinan instruksional boleh disimpulkan sebagai segala amalan tingkah laku perancangan pengetua atau guru besar yang jelas disampaikan dengan tujuan untuk mempengaruhi, memberi bimbingan, dan dorongan kepada guru dan murid dalam usaha menambah baik dan meningkatkan program-program berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai matlamat akademik sekolah yang ditetapkan. Ini termasuklah dalam memastikan pelaksanaan sesuatu perubahan pendidikan berjaya mencapai matlamatnya di sekolah (Gulcan, 2012; Hallinger, 2011; Hallinger & Murphy, 1985). Literatur menunjukkan kepimpinan instruksional didapati membawa kesan yang lebih besar kepada hasil pembelajaran pelajar berbanding dengan kepimpinan transformasi (Robinson, Lloyd, & Rowe, 2008). Dapatan kajian Robinson et al. (2008) ini disokong oleh hasil kajian Jo, Dana, & Joseph (2010) ke atas 20 orang pengetua SBT di Amerika Syarikat, mendapati pemimpin SBT mengamalkan kepimpinan instruksional dengan sentiasa memberi fokus kepada proses PdP dan juga mewujudkan budaya organisasi yang menyokong kepada proses pengajaran, sentiasa berbincang tentang pengajaran, mementingkan kepada pembangunan profesionalisme guru-guru apabila mereka berinteraksi dengan guru-guru tentang proses instruksional.

## **Budaya Organisasi**

Menurut Foniza (2012), budaya organisasi merupakan struktur dalam organisasi yang berasaskan nilai, kepercayaan dan andaian yang dipegang oleh ahli-ahlinya yang menghasilkan makna melalui proses sosialisasi dalam kalangan mereka. Schein (2011) pula melihat budaya organisasi sebagai satu set nilai yang dikongsi bersama, kepercayaan, dan norma yang mempengaruhi cara pekerja berfikir, berasa, dan berkelakuan di tempat kerja. Budaya ditransmisikan kepada anggota dalam sesebuah organisasi melalui proses sosialisasi dan latihan, upacara resam, rangkaian komunikasi, dan lambang. Budaya organisasi mempunyai empat fungsi iaitu membina jati diri individu, meningkatkan komitmen mereka, mengukuhkan nilai-nilai organisasi, dan menjadi satu mekanisme kawalan untuk membentuk kelakuan (Nelson & Quick, 2011). Manakala Wallach (1983) pula menyatakan bahawa budaya organisasi merupakan suatu perkongsian kefahaman terhadap kepercayaan, nilai, norma dan falsafah bagaimana perkara itu dilakukan. Budaya organisasi semakin menjadi tumpuan dalam bidang pengurusan. Budaya organisasi yang baik dapat memainkan peranan yang penting untuk sesebuah organisasi mencapai kecemerlangannya. Menurut Kotter (2012), budaya organisasi mempunyai potensi meningkatkan prestasi organisasi, kepuasan pekerjaan pekerja, dan rasa kepastian tentang penyelesaian masalah dan seterusnya memberi impak kepada keberkesanan organisasi (Lunenburg, 2011). Hal ini menyokong pendapat Hussein, Azman, dan Malek (1993) dengan menjelaskan bahawa faktor-faktor yang merangkumi budaya sekolah terbukti dalam penyelidikan pendidikan sebagai elemen penting yang mempengaruhi kemajuan sesebuah sekolah. Sehubungan itu, budaya inovatif dan

suportif didapati pada tahap tinggi di sekolah harapan negara dalam kajian Jamal (2009) yang melibatkan 211 orang guru dari sembilan buah sekolah harapan negara.

## **Organisasi Pembelajaran**

Dalam era penuh dengan desakan persaingan, organisasi pembelajaran dikatakan mempunyai keupayaan membuat perubahan dan peningkatan untuk mempertahankan daya bersaing melalui pembelajaran, organisasi mestilah meningkatkan keupayaan pembelajaran mereka dan mesti mampu belajar dengan lebih baik dan lebih pantas dari kejayaan dan kegagalan mereka sama ada di dalam atau di luar organisasi (Marquardt, 2002). Pandangan ini disokong oleh Fuziah dan Izham (2011) yang menjelaskan bahawa ciri-ciri organisasi pembelajaran yang menyediakan ruang dan peluang pembelajaran berterusan mampu meningkatkan kualiti, daya saing, keberkesanan dan kecemerlangan organisasi menepati dunia global tanpa sempadan. Sehubungan itu, Senge (1990, 2006) mencadangkan pewujudan konsep organisasi pembelajaran perlu dilaksanakan. Organisasi pembelajaran merupakan organisasi di mana warganya sentiasa memperkembangkan keupayaan mereka untuk mendapatkan hasil yang diinginkan, menggalak dan menyemai corak pemikiran baru, dan apabila aspirasi bersama dicapai secara bebas maka warganya akan sentiasa belajar bersama-sama secara berterusan (Senge, 1990:3, 2006:3). Literatur telah mengenalpasti beberapa faktor yang mempengaruhi pembangunan dalam organisasi pembelajaran iaitu faktor pemimpin, faktor budaya dan faktor pembangunan professional (Amin Senin, 2005). Pemimpin yang mengamalkan ciri-ciri seperti mengambil berat dalam membina visi, menyampaikan visi dan misi dengan jelas kepada mereka di bawah pimpinannya, mempraktikkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman masing-masing ke arah satu visi yang ditetapkan, serta menyediakan rangsangan intelektual guru-guru melalui pengurusan pembangunan professional staf dapat menggalakkan pembentukan organisasi pembelajaran dan seterusnya mempertingkatkan prestasi organisasi (Nor Foniza, 2012; Amin Senin, 2005). Selanjutnya kajian Jamal (2009), Austin dan Harkins (2008), dan Schein (2004, 2011) telah mengenalpasti budaya organisasi dan organisasi pembelajaran merupakan elemen penting untuk mencapai kecemerlangan sesebuah sekolah.

Daripada penelitian kajian-kajian lepas, didapati amalan kepimpinan instruksioanal yang dipratikkan oleh pemimpin sekolah dan budaya organisasi yang positif di sekolah serta menjadikan sekolah sebagai organisasi pembelajaran merupakan unsur-unsur yang penting dalam menggerakkan sesebuah sekolah ke arah sekolah cemerlang dan berdaya saing di peringkat global. Hal ini menunjukkan amalan kepimpinan instruksional yang diterapkan oleh pemimpin sekolah dengan pewujudan budaya organisasi dan pembentukan organisasi pembelajaran memberi impak yang besar kepada kecemerlangan sekolah. Maka dijangkakan kesan yang positif bagi ketiga-tiga pemboleh ubah kepimpinan instruksional, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran dalam konteks kajian ini wujud.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu mengkaji populasi dengan cara mengukur data daripada sebahagian sampel yang ditetapkan (Chua, 2014; Noraini, 2013; Creswell, 2008). Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) berprestasi tinggi di zon utara Malaysia iaitu negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Sampel kajian ini ialah seramai 286 orang guru dari 14 buah sekolah rendah berprestasi tinggi (SRBT) ditentukan dengan menggunakan teknik persampelan berstrata dan formula penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen kajian yang digunakan dan telah diubahsuai untuk mengukur amalan kepimpinan instruksional guru besar ialah soal selidik *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS) (Hallinger dan Murphy, 1985) yang telah diterjemahkan dalam bahasa Malaysia oleh Andi Audryanah (2007) dan juga telah digunakan dalam kajian Elangkumaran (2012).

Instrumen bagi mengukur budaya organisasi ialah soal selidik *Organizational Culture Index* (OCI) (Wallach, 1893) yang diadaptasi dan diubahsuai daripada Jamal (2009). Manakala instrumen bagi soal selidik *Middle School Teacher Survey* (MSTS) yang diadaptasi dan diubahsuai daripada Jamal (2009) berdasarkan model Senge (1990; 2006) digunakan untuk mengukur sejauhmanakah guru-guru terlibat dalam aktiviti-aktiviti organisasai pembelajaran di sekolahnya. Kedua-dua soal selidik OCI dan MSTS yang digunakan dalam kajian ini telah diterjemah dalam bahasa Malaysia oleh Jamal (2009) dalam kajian beliau. Dalam soal selidik penyelidikan ini, pengkaji tidak menggunakan skala interval lima likert seperti digunakan dalam kajian terdahulu seperti Andi Audryanah (2007), Elangkumaran (2012), dan Jamal (2009), ini disebabkan skala lima (5) likert akan menimbulkan masalah kecenderungan pusat, yang memberi kesan terhadap ketepatan semasa membuat keputusan (Ching, 2009). Maka, bagi kajian ini, pengkaji memilih cadangan yang dikemukakan oleh Awang (2015) dengan menggunakan skala interval sepuluh (10) likert bagi memastikan jawapan yang diberikan oleh responden lebih tepat dan jelas untuk setiap soalan yang diajukan. Responden hanya perlu menuliskan nombor-nombor yang dipilih dan dipersetujui dalam petak yang disediakan. Nilai instrumen kajian berbentuk skala likert sepuluh (10) poin ini membawa maksud dari poin satu (1) sangat tidak setuju sehingga poin sepuluh (10) iaitu sangat setuju. Analisis deskriptif data kajian melibatkan pengiraan nilai min. Penggunaan nilai min digunakan untuk menggambarkan maklum balas kesemua responden kajian terhadap item di dalam sesuatu instrumen. (Creswell, 2008). Bagi tujuan menghuraikan tahap pelaksanaan amalan kepimpinan instruksional guru besar, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran di SBT, kajian ini telah menggunakan interpretasi nilai min yang dibina berdasarkan perkiraan dalam pemeringkatan min kajian daripada Koh (2014) seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut:

**Jadual 1.** Interpretasi Nilai Min Tahap Pelaksanaan Amalan Kepimpinan Instruksional, Budaya Organisasi dan Organisasi Pembelajaran

| Nilai Min         | Tahap Pelaksanaan | Interpretasi        |
|-------------------|-------------------|---------------------|
| 1.00 hingga 4.00  | Rendah            | Kurang Memuaskan    |
| 4.01 hingga 7.00  | Sederhana         | Sederhana Memuaskan |
| 7.01 hingga 10.00 | Tinggi            | Memuaskan           |

Sumber: Diadaptasi daripada Koh (2014)

Ujian t dua sampel digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis perbezaan antara dua aliran sekolah terhadap pelaksanaan amalan kepimpinan instruksional guru besar, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran.

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap pelaksanaan amalan kepimpinan instruksional

Dapatan bagi tahap amalan kepimpinan instruksional dari aspek pentakrifan visi dan matlamat sekolah, pengurusan program pengajaran dan pemupukan iklim PdP oleh guru besar di SKBT dan SJKCBT ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2.** Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Pentakrifan Visi dan Matlamat Sekolah, Pengurusan Program Pengajaran dan Pemupukan Iklim PdP oleh Guru Besar di Sekolah

| Item                                                 | SKBT |      |        | SJKCBT |      |        |
|------------------------------------------------------|------|------|--------|--------|------|--------|
|                                                      | Min  | SP   | Tahap  | Min    | SP   | Tahap  |
| <i>Dimensi Pentakrifan Visi Dan Matlamat Sekolah</i> | 8.82 | .711 | Tinggi | 9.08   | .564 | Tinggi |
| <i>Dimensi Pengurusan Program Pengajaran</i>         | 8.80 | .719 | Tinggi | 9.02   | .631 | Tinggi |
| <i>Dimensi Pemupukan Iklim PdP</i>                   | 8.79 | .656 | Tinggi | 9.00   | .593 | Tinggi |

Responden SKBT (n=176), Responden SJKCBT (n=110)

Jadual 2 menunjukkan kesemua dimensi pentakrifan visi dan matlamat sekolah (min SKBT=8.82; min SJKCBT= 9.08), pengurusan program pengajaran (min SKBT= 8.80; min SJKCBT=9.02) dan pemupukan iklim PdP (min SKBT=8.79; min SJKCBT=9.00) yang berkaitan dengan amalan kepimpinan instruksional guru besar berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi di SKBT dan SJKCBT. Dapatan ini menggambarkan guru besar telah mengamalkan kepimpinan instruksional dalam dimensi pentakrifan visi dan matlamat sekolah, dimensi pengurusan program pengajaran, dan dimensi pemupukan iklim PdP di sekolah berprestasi tinggi dengan memuaskan.

## Tahap amalan budaya organisasi

Dapatan bagi tahap amalan budaya Organisasi dari aspek budaya inovatif & budaya suportif di SKBT dan SJKCBT ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3.** Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Budaya Inovatif Dan Budaya Suportif Di Sekolah

| Item                   | SKBT |      |        | SJKCBT |      |        |
|------------------------|------|------|--------|--------|------|--------|
|                        | Min  | SP   | Tahap  | Min    | SP   | Tahap  |
| <i>Budaya Inovatif</i> | 8.72 | .628 | Tinggi | 8.95   | .560 | Tinggi |
| <i>Budaya Suportif</i> | 8.79 | .659 | Tinggi | 8.95   | .658 | Tinggi |

Responden SKBT (n=176), Responden SJKCBT (n=110)

Jadual 3 menunjukkan kesemua amalan budaya inovatif (min SKBT=8.72; min SJKCBT=8.95) dan budaya suportif (min SKBT=8.79; min SJKCBT=8.95) yang berkaitan dengan amalan budaya organisasi berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi di SKBT dan SJKCBT. Dapatan ini menggambarkan budaya organisasi dari aspek inovatif dan suportif dalam sekolah berprestasi tinggi adalah pada tahap yang tinggi dan memuaskan.

## Tahap amalan organisasi pembelajaran

Dapatan bagi tahap amalan organisasi pembelajaran dari aspek sistem pemikiran, kecekapan sendiri, pembelajaran berpasukan dan perkongsian wawasan di SKBT dan SJKCBT ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4.** Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap sistem pemikiran, kecekapan sendiri, pembelajaran berpasukan, perkongsian wawasan di sekolah

| Item                           | SKBT |      |        | SJKCBT |      |        |
|--------------------------------|------|------|--------|--------|------|--------|
|                                | Min  | SP   | Tahap  | Min    | SP   | Tahap  |
| <i>Sistem Pemikiran</i>        | 8.72 | .663 | Tinggi | 8.81   | .687 | Tinggi |
| <i>Kecekapan Kendiri</i>       | 8.64 | .721 | Tinggi | 8.86   | .697 | Tinggi |
| <i>Pembelajaran Berpasukan</i> | 8.68 | .669 | Tinggi | 8.77   | .744 | Tinggi |
| <i>Perkongsian Wawasan</i>     | 8.78 | .659 | Tinggi | 8.85   | .700 | Tinggi |

Responden SKBT (n=176), Responden SJKCBT (n=110)

Jadual 4 menunjukkan kesemua ciri-ciri sistem pemikiran (min SKBT=8.72; min SJKCBT=8.81), kecekapan sendiri (min SKBT=8.64; min SJKCBT=8.86), pembelajaran berpasukan (min SKBT=8.68; min SJKCBT=8.77) dan perkongsian wawasan (min SKBT=8.78; min SJKCBT=8.85) yang berkaitan dengan amalan organisasi pembelajaran berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi di SKBT dan

SJKCBT. Dapatan ini menggambarkan ciri-ciri organisasi pembelajaran diamalkan dari aspek sistem pemikiran, kecekapan sendiri, pembelajaran berpasukan, dan perkongsian wawasan di sekolah berprestasi tinggi dengan tahap yang tinggi dan memuaskan.

### **Perbezaan amalan kepimpinan instruksional, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran antara SKBT dan SJKCBT**

Keputusan analisis ujian-t pada aras keertian 0.05 mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan terhadap amalan kepimpinan instruksional guru besar dan budaya organisasi, namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pembelajaran berdasarkan persepsi guru antara SKBT dengan SJKCBT. Perincian dapatan untuk dimensi amalan kepimpinan instruksional, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran ditunjukkan dalam Jadual 5.

**Jadual 5.** *Ujian-t Perbandingan Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar, Budaya Organisasi dan Organisasi Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Guru di SKBT dan SJKCBT*

| <b>Pemboleh ubah</b>     | <b>Kumpulan</b> | <b>N</b> | <b>Min</b> | <b>SP</b> | <b>t</b> | <b>Nilai-p</b>             |
|--------------------------|-----------------|----------|------------|-----------|----------|----------------------------|
| Kepimpinan Instruksional | SKBT            | 176      | 8.80       | .57       | -3.55    | 0.000*<br>(Signifikan)     |
|                          | SJKCBT          | 110      | 9.03       | .47       |          |                            |
| Budaya Organisasi        | SKBT            | 176      | 8.76       | .56       | -2.79    | .006*<br>(Signifikan)      |
|                          | SJKCBT          | 110      | 8.95       | .55       |          |                            |
| Organisasi Pembelajaran  | SKBT            | 176      | 8.70       | .57       | -1.63    | .104<br>(Tidak Signifikan) |
|                          | SJKCBT          | 110      | 8.82       | .61       |          |                            |

\* Signifikan pada aras keertian  $P < 0.05$  (2-tailed)

Analisis ujian-t seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap amalan Kepimpinan Instruksional (KI) guru besar ( $t = -3.55$ ,  $p = 0.000$ ) dan budaya organisasi di sekolah ( $t = -2.79$ ,  $p = 0.006$ ) berdasarkan persepsi guru di SKBT dan SJKCBT. Namun, analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap organisasi pembelajaran berdasarkan persepsi guru di SKBT dan SJKCBT ( $t = -1.63$ ,  $p = 0.104$ ). Walau bagaimanapun, dapatan nilai min bagi amalan kepimpinan instruksional guru besar, dan budaya organisasi di SKBT dan SJKCBT yang dijelaskan di atas menunjukkan nilai min bagi kedua-dua pemboleh ubah dalam kajian ini adalah lebih tinggi di SJKCBT berbanding di SKBT berdasarkan persepsi guru. Justeru, secara keseluruhannya boleh dirumuskan bahawa guru besar lebih mengamalkan kepimpinan intruksional di SJKCBT berbanding SKBT berdasarkan persepsi guru-guru, dan sekolah lebih menonjolkan budaya organisasi di SJKCBT berbanding di SKBT.

## **RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Dapatan kajian ini menunjukkan kesemua amalan kepimpinan instruksional diamalkan oleh guru besar pada tahap tinggi di sekolah berprestasi tinggi sama ada di SK ataupun SJKC. Dapatan ini menggambarkan pemimpin di SBT mengamalkan semua amalan kepimpinan instruksional dari aspek pentakrifan visi dan matlamat sekolah, pengurusan program-program pengajaran dan pemupukan iklim PdP di sekolah dengan memuaskan. Pemimpin instruksional bertanggungjawab menetapkan visi dan matlamat sekolah yang jelas serta menyebarkan luas dan memberi penjelasan tentang visi dan matlamat sekolah kepada semua warga sekolah dengan tujuan untuk mempengaruhi, memberi bimbingan, dan dorongan kepada guru dan murid dalam usaha menambah baik dan meningkatkan program-program berkaitan proses pengajaran serta mewujudkan iklim PdP yang positif dan memerangsakan bagi mencapai matlamat akademik sekolah yang ditetapkan. Ini termasuklah dalam memastikan pelaksanaan sesuatu perubahan pendidikan berjaya mencapai matlamatnya di sekolah (Gulcan, 2012; Hallinger, 2011; dan Hallinger & Murphy, 1985). Dapatan tersebut menyokong kajian Siti Noor (2011) yang mendapati bahawa sekolah berprestasi tinggi (SBT) memberi penekanan dalam pencapaian sekolah dengan mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang dan seterusnya menjadi contoh yang boleh diteladani oleh sekolah lain. Begitu juga dengan dapatan Ahmad Fauzi (2014) yang menyatakan seseorang pengetua atau guru besar yang berperanan aktif sebagai pemimpin instruksional dapat meningkatkan tahap akademik di sekolahnya.

Hasil kajian ini juga menunjukkan budaya organisasi berada pada tahap yang tinggi sama ada di SK ataupun SJKC berprestasi tinggi. Ini menggambarkan sekolah berprestasi tinggi mengamalkan budaya organisasi dari aspek budaya inovatif dan budaya suportif dengan memuaskan. Dapatan ini menyokong hasil kajian Jamal (2009) yang mendapati tahap budaya organisasi dari aspek budaya inovatif dan suportif adalah pada tahap menonjol di sembilan buah sekolah harapan negara luar bandar yang telah melibatkan seramai 211 orang guru. Sehubungan itu, Kotter (2012), Ong (2012), Lunenburg (2011), Hofstede et al. (2010), dan Hopkins (2005) juga mendapati bahawa budaya organisasi merupakan unsur penentu kepada keberkesanan sekolah. Justeru itu, budaya organisasi harus diberi fokus untuk meningkatkan mutu pendidikan. Seterusnya, ciri-ciri sistem pemikiran, kecekapan sendiri, pembelajaran berpasukan, dan perkongsian wawasan yang terangkum dalam organisasi pembelajaran juga didapati berada pada tahap tinggi dan memuaskan dalam kajian ini. Ini menggambarkan guru-guru di sekolah berprestasi tinggi sama ada di SK ataupun SJKC kerap mengamalkan keempat-empat ciri-ciri dalam organisasi pembelajaran tersebut. Hal ini menyokong kajian Jamal (2009) yang juga menunjukkan amalan sistem pemikiran, kecekapan sendiri, pembelajaran berpasukan dan perkongsian wawasan dalam organisasi pembelajaran di sekolah harapan negara berada pada tahap tinggi. Selain itu, dapatan kajian ini juga sejajar dengan pandangan Senge (2006) yang menyatakan bahawa konsep organisasi

pembelajaran perlu diwujudkan dan dilaksanakan. Hal ini disebabkan organisasi pembelajaran didapati mempunyai keupayaan membuat perubahan dan peningkatan untuk mempertahankan daya saing melalui pembelajaran dalam era global yang penuh dengan desakan persaingan (Fuziah & Izham, 2011; Marquardt, 2002).

Selanjutnya, analisis dapatan kajian ini telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan kepimpinan instruksional berdasarkan persepsi guru di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina berprestasi tinggi (SKBT & SJKCBT). Dapatan tersebut hampir menyamai dapatan kajian Elangkumaran (2012) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi pentakrifan matlamat sekolah, pengurusan program kurikulum dan pemupukan iklim PdP kepimpinan antara guru besar SK dengan guru besar SJKC. Hasil dapatan tersebut adalah disebabkan oleh cara pengurusan di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina adalah berbeza antara satu sama lain yang mungkin dipengaruhi oleh tradisi yang diamalkan selama ini walaupun kedua-dua aliran sekolah tersebut menggunakan sukatan pelajaran dan kurikulum yang sama (Ooi & Aziah, 2015). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru di SKBT dan SJKCBT terhadap amalan budaya organisasi di sekolah. Perbezaan ini telah mencerminkan sesuatu budaya yang berbeza wujud di sekolah yang berbeza aliran seperti di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina berprestasi tinggi. Dapatan kajian ini secara tidak langsung menyokong kajian oleh Jamal (2009), Austin dan Harkins (2008), dan Schein (2004, 2011) yang telah mengenalpasti budaya organisasi dan organisasi pembelajaran memainkan peranan penting dalam kecemerlangan sekolah.

Program SIPartner adalah salah satu ciri inovasi yang semakin berkembang tetapi mungkin memeranjatkan dalam konteks ini memandangkan kesemua SIPartner sama ada yang diambil berkhidmat di sekolah pertama atau sekolah yang terakhir menyertai skim ini adalah dilatih oleh IAB. Program SIPartner merupakan salah satu program SIP yang diberikan perhatian khusus dalam PPPM 2013-2025 malah program ini menjadi agenda utama dalam proses penambahbaikan sekolah. Secara umumnya implikasi kajian ini dapat menjadi panduan kepada SIPartner serta pelbagai pihak yang berkaitan dalam mengolah polisi atau dasar untuk menambahbaik program ini kelak. Keseluruhannya bimbingan SIPartner berjaya memberi impak terhadap kepemimpinan pengetua dan peningkatan pencapaian sekolah. Kajian terhadap kepemimpinan sebagai faktor mediator antara bimbingan SIPartner dengan pencapaian sekolah jelas mencerminkan matlamat program SIPartner untuk SIPartner mengupayakan kepemimpinan untuk peningkatan pencapaian sekolah.

## RUJUKAN

- Bloom, G, Castagna, C, Moir, E, Warren, B. (2005). *Blended Coaching: Skills and Strategies to Support Principal Development*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (M).
- Cowen, G. (2008) *New Relationship with Schools: Evaluation Report*. Nottingham: Department for Children, School and Families.
- Foley, R. (2006). *ACSA Professional Learning Executive: Presentation to Curriculum and Instructional Services Committee*
- Fullan, M. G. (1991). *The New Meaning of Educational Change*. (2<sup>nd</sup> Edition). London: Cassell Educational.
- Hargreaves, D. H. (1995). School Culture, School Effectiveness and School Improvement. *School Effectiveness and School Improvement* 6:23-46.
- Hartnell-Young, E. (2014). *The Past, Present and Future of Sustainable School Effectiveness*. Presentation at ICSEI, Yogyakarta, Indonesia 2-7 Januari 2014. [http://works.bepress.com/elizabeth\\_hartnell-young/50](http://works.bepress.com/elizabeth_hartnell-young/50)

- Hargrove, R. (2003). *Masterful Coaching*, rev. ed. San Francisco, CA: Jossey-Bass/Pfeiffer.
- Keller, G. (Ed.). (2005). *Statistics for Management and Economics*. (7<sup>th</sup> edition). Mason: Thomson.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Anjakan: *Buletin Bulanan Transformasi Kementerian Pendidikan*. Isu # 1. 30 April 2013.
- Koh Khim Watt & Kunalan, K. (2013). Kepimpinan Instruksional, Melalui Amalan Konsep Model 7S++ Menerajui Peningkatan Keputusan Peperiksaan Awam SMK Kinabutan, Tawau, Sabah. *Prosiding Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional ke-9 2013*. Mei 5-8, 2013. Jitra Kedah.
- MacKinnon, D.P, Lockwood, C.M., & Williams, J. (2004). Confidence limits for indirect effect: Distributions of the product and resampling methods. *Multivariate Behavioral Research*, **39**, 99-128.
- Malaysian Education Policy Review (M-EPR) .Abridged Report May 2013. [http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/ED/pdf/M\\_EPR-abridged](http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/ED/pdf/M_EPR-abridged)
- National Audit Office (NAO). (2009). *Partnering for School Improvement: Value for Money*. <http://www.nao.org.uk>. Retrieved on 9 Julai 2009.
- NKRA Education Unit. (2010). *Primary School Improvement Program 2010*. Malaysia: Mazizia Sdn. Bhd.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2013). *Pendidikan Prasekolah hingga Lulusan Menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan Pembangunan Prestasi Sekolah. (2011). NKRA Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pont, B., Nusche, D. & Hopkins, D. (eds). (2008a). *Improving School Leadership. Volume 2: Case Studies on System Leadership*. Paris: OECD.
- Pont, B., Nusche, D. & Moorman, H. (2008b). *Improving School Leadership. Volume 1: Policy and Practice*. Paris: OECD.
- Preacher, K.J., & Hayes, A.F. (2004). SPSS and SAS procedures for estimating indirect effects in Simple Mediation Model. *Behaviors Research Methods, Instruments and Computer*, **36**, 717-731
- Preacher, K.J., & Hayes, A.F. (2008). Asymptote and resampling strategies for assessing and comparing indirect effects in multiple mediator models. *Behaviors Research Methods*, **40**, 879-891.
- PricewaterhouseCoopers. (2007). *Independent Study into School Leadership*. Nottingham: Department for Education and Skills.

- Sheridan, J. C. & Lyndall, G. S. (2003). *Statistical package for Social Science (SPSS): Analysis without Anguish*: Version 11.0 for Windows. New York: John Wiley & Sons. Inc.
- Swaffield, S. (2007). Light Touch Critical Friendship. *Improving Schools*. **10**(3): 205-219.
- Swaffield, S. (2013). Support and Challenge for School Leaders: Headteachers' Perceptions of School Improvement Partner. *Educational Management Administration & Leadership*. <http://ema.sagepub.com/content/early/2013/09/04>. Retrieved 15 January 2014.



# KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL PENGETUA DAN HUBUNGANNYA DENGAN EFIKASI KENDIRI GURU SEKOLAH MENENGAH

Shafinaz binti A. Maulod, Chua Yan Piaw Ph.D, Leong Mei Wei  
*Institut Kepimpinan Pendidikan, Universiti Malaya*

Shahrin bin Alias,  
*Institut Aminuddin Baki*

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk meneroka hubungan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dalam mempengaruhi efikasi sendiri guru sekolah menengah kebangsaan. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan di mana satu set soal selidik merupakan instrumen utama bagi mengumpul data kajian. Seramai 396 orang guru sekolah menengah kebangsaan terlibat sebagai responden kajian ini. Statistik deskriptif dan inferensi menggunakan SPSS dan AMOS-SEM telah digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua dan tahap efikasi sendiri guru berada pada tahap yang tinggi. Hubungan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi sendiri guru adalah signifikan, positif dan sederhana kuat di mana dimensi mengurus program instruksional merupakan peramal utama kepimpinan instruksional dalam menggalakkan efikasi sendiri guru. Akhirnya, model hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi sendiri guru berjaya dibangunkan.*

**Kata kunci:** *Kepimpinan Instruksional, Efikasi Kendiri Guru, Kepimpinan Sekolah*

## PENGENALAN

Sekolah sebagai sebuah organisasi sosial merupakan pusat pendidikan bagi melahirkan generasi masa hadapan yang cemerlang. Sekolah dipimpin oleh seorang

pengetua dan mempunyai ahli yang terdiri daripada guru serta pelajar. Manakala, guru pula memerlukan seorang pemimpin yang mampu menyuntik semangat dan motivasi untuk lebih efektif dalam pengajaran dan pelajar bergantung kepada guru bagi memperoleh pengetahuan dan kemahiran. Oleh itu, keberkesanan sesebuah sekolah itu amat bergantung kepada guru termasuk keberkesanan kepimpinan pengetuanya (Hussein, 2012; Hussein 2008; Zaidatol Akmaliah, 2007) kerana sikap mereka adalah penentu kepada keberkesanan pelaksanaan sesuatu program. Seseorang pengetua merupakan individu yang memainkan peranan penting di dalam pencapaian kecemerlangan atau kejayaan sesebuah sekolah (Fullan, 2001; Hallinger, 2005). Kepimpinan selalunya berkaitan dengan kemahiran dan gaya kepimpinan yang dimiliki oleh seseorang pemimpin (Hussein, 2012). Di antara kemahiran tersebut ialah kemahiran mengawal serta mengurus emosi dan kemahiran sebagai pemimpin instruksional yang membolehkan seseorang pengetua itu mempengaruhi guru melaksanakan tugas pengajaran dengan berkesan disamping mempunyai efikasi sendiri yang tinggi. Kajian yang telah dijalankan oleh Horton (2013); Korthagen (2005); Leithwood (1997); Leithwood, Harris dan Hopkins (2008) dan Richardson (2011) menunjukkan kepimpinan dan pembangunan profesional adalah dua bidang yang mempengaruhi efikasi sendiri guru dan secara tidak langsung turut mempengaruhi pencapaian dan kecemerlangan pelajar. Oleh itu, di dalam sistem pendidikan Malaysia yang sentiasa mengalami perubahan dan transformasi, kemajuan sesebuah sekolah bukan hanya bergantung kepada pelajar sahaja malah guru juga merupakan penyumbang utama di bawah kepimpinan seseorang pengetua yang berkesan. Sehubungan dengan itu, organisasi seperti sekolah perlu mempunyai pemimpin yang berkesan untuk mengetuai setiap perubahan yang diterima. Faktor utama yang mengetuai perubahan dan kecemerlangan sekolah ialah daya kepimpinan yang diamalkan dalam organisasi (Kuhn, 2012). Pengaruh yang dimainkan oleh seseorang pengetua adalah penentu kepada jatuh dan banggunya sesebuah sekolah.

## **PENYATAAN MASALAH**

Hampir kebanyakan negara di dunia mempercayai guru adalah sumber dan aset terpenting dalam bidang pendidikan. Aset ini (guru) perlu diuruskan dengan sebaik-baiknya bagi melahirkan modal insan kelas pertama yang berkualiti pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini ekoran dari pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan negara melalui transformasi pendidikan, guru mula melahirkan ketidakpuasan mereka dalam tugas dan merasakan mereka terbeban dari sebelumnya (PPPM, 2013-2025). Pada masa kini, guru bukan hanya sebagai pengajar dalam bilik darjah malahan turut terlibat dalam tugas pendokumentasian dan hal berkaitan sekolah secara keseluruhannya. Akibatnya

guru perlu menunjukkan sikap yang lebih berketerampilan, inovatif dan kreatif dalam mengimbangi masa yang diperlukan untuk mengajar dan melaksanakan tugas tersebut selari dengan kehendak sistem pendidikan negara. Aminah (2007) menyatakan tugas guru yang sepatutnya mementingkan proses pengajaran dan mendidik telah lari daripada tugas yang sebenar namun seorang guru tetap melakukannya bagi keperluan pengurusan pentadbiran pelajar. Di sinilah perlunya seseorang guru itu untuk melengkapkan diri mereka dari segi mental dan fizikal agar akur dengan tuntutan tugas mereka. Di samping itu, didapati hanya 12% pengajaran guru disampaikan pada standard yang tinggi, manakala 38% lagi berada pada standard memuaskan dan 50% pengajaran guru disampaikan pada tahap tidak memuaskan (PPPM 2013-2025). Apakah yang menyebabkan masalah ini berlaku? Atas keperluan dan permasalahan inilah pengkaji ingin mengetahui tahap efikasi kendiri guru dalam melaksanakan tugas mereka agar dapat memenuhi kehendak dan harapan bagi menghasilkan mutu pengajaran yang berkualiti.

Bandura (1997) yang merupakan pelopor dalam bidang efikasi kendiri, menyatakan tugas untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif adalah bergantung kepada bakat dan efikasi kendiri guru. Tambahan pula efikasi kendiri seperti yang ditakrifkan oleh beliau adalah kepercayaan seseorang tentang kebolehan untuk menjalankan sesuatu tindakan yang akan menghasilkan keputusan yang diharapkan. Oleh itu, tidak dinafikan kejayaan seseorang guru merupakan petunjuk kepada tahap efikasi kendirinya. Menurut Ishak Sin (2001); Mohd Munaim (2013); Norita (2012) dan Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (1998), efikasi kendiri guru akan memberi kesan secara langsung kepada keberkesanan pengajaran dan kejayaan pelajar. Pencapaian dan kecemerlangan pelajar merupakan antara faktor yang menjadi penentu kepada keberkesanan sekolah.

Walau bagaimanapun, terdapat faktor-faktor lain yang turut memberi kesan kepada tahap efikasi kendiri guru dan antara faktor yang penting adalah pengaruh kepimpinan pengetua (Calik et al., 2011; Mohd Munaim, 2013; Shafinaz, 2009 dan Simin et al., 2015). Secara lebih khusus efikasi kendiri boleh diperkuatkan lagi melalui pengaruh yang dibentuk oleh seseorang pengetua. Amalan kepimpinan yang berkesan dapat meningkatkan prestasi guru dan seterusnya meningkatkan keberkesanan organisasi sekolah. Kajian lepas membuktikan kepimpinan pengetua memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap kecemerlangan pelajar (Hallinger 2012, 2008, 1998, 1996; Tschannen-Moran & Gareis, 2015) serta kepimpinan pengetua mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap kualiti kejayaan sekolah, pencapaian pelajar dan komitmen guru (Widhyanti & Shahril@Charil, 2016). Salah satu saluran untuk pengetua mempengaruhi kecemerlangan

pelajarnya adalah melalui interaksi dengan guru. Untuk mempengaruhi guru pula, pengetua sebagai pemimpin di sekolah perlulah menyediakan suasana yang membolehkan guru untuk bekerja secara efektif dan berjaya.

Oleh itu, guru yang selesa dengan persekitaran kerjanya, merasakan mereka sentiasa disokong oleh pihak pentadbir dan merasakan pengetua mampu menggunakan pengaruh pentadbirannya untuk kebaikan guru, akan meningkatkan tahap efikasi sendiri guru (Khairiah, 2013). Walau bagaimanapun, berdasarkan Laporan Tahunan 2008 khususnya Laporan Eksekutif Pemeriksaan Bertema Kualiti Kepimpinan Sekolah bagi menjelaskan beberapa fakta berkaitan peranan kepimpinan sekolah dalam menjayakan konsep kepimpinan instruksional mendapati kualiti kepimpinan instruksional pengetua berada pada tahap sederhana (67.7%) dan pengetua sebagai pemimpin kurikulum kurang menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Guru berpendapat bahawa mereka kurang yakin bahawa pemimpin sekolah mereka mampu menjadi sumber rujukan berkaitan dasar dan kaedah serta strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan terkini (Laporan JNJK, 2009). Sehubungan itu, adalah perlu kajian ini dijalankan untuk meneroka tingkah laku dan kompetensi kepimpinan pengetua dalam mempengaruhi efikasi sendiri guru. Ini adalah kerana menurut Barnett dan McCormick (2004); Stipek (2012); dan Walker dan Slear (2011) masih kurang kajian dijalankan untuk mengetahui bagaimana kepimpinan pengetua mempengaruhi efikasi sendiri guru. Guru di sekolah melalui proses pendidikan, kepakaran, latihan dan pengalaman kerja yang hampir sama, tetapi mengapa mereka sering memperolehi kejayaan berbeza dalam proses pengajaran bagi menghasilkan pelajar yang cemerlang? Adakah ini disebabkan oleh perbezaan tahap efikasi sendiri guru di Malaysia? Persoalan ini menjadi tumpuan utama kepada kebanyakan mereka yang terlibat dengan memantau prestasi kecemerlangan pelajar Malaysia yang berkaitan dengan prestasi pengajaran guru.

Masalah utama yang wujud ialah peranan dan tugas seseorang pengetua yang pelbagai serta rencam menyukarkan pengetua tersebut untuk mengimbangi tugas pengurusan dan tugas utama sebagai pemimpin instruksional yang memerlukan fokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Sekhu (2011) pembelajaran dan pencapaian pelajar adalah fokus utama pemimpin instruksional manakala tugas pentadbiran sekolah adalah tugas yang kedua yang sepatutnya dilakukan. Memandangkan efikasi sendiri guru mempengaruhi pencapaian pelajar yang mana akan menyumbang kepada keberkesanan sekolah, adalah bersesuaian membolehkan kepimpinan instruksional pengetua ini dikaji untuk mengaitkan hubungannya dengan efikasi sendiri guru.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Kepimpinan Instruksional**

Dalam setiap transformasi yang berkaitan dengan sistem pendidikan di Malaysia, kepimpinan instruksional merupakan antara yang dititikberatkan untuk dilaksanakan. Hoy dan Hoy (2003) menguatkan lagi kepentingan kepimpinan instruksional dengan menyatakan bahawa fungsi utama sekolah diwujudkan adalah berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran, manakala yang lain adalah aspek yang kedua. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2007) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (2010) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dasar yang menjadi tunjang utama bagi melahirkan sekolah yang bertaraf dunia. Oleh itu, bagi memastikan sasaran ini tercapai, semua pengetua sekolah di Malaysia berjanji untuk memainkan peranan mereka sebagai pemimpin yang mengutamakan akademik (instruksional) dan iklim sekolah. Peranan dan tanggungjawab pengetua sebagai pemimpin instruksional adalah dengan memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar serta melaksanakan pengurusan akademik yang teratur agar guru dapat mengajar dengan berkesan (Alimuiddin, 2010). Beliau turut berpendapat seseorang pemimpin instruksional harus mewujudkan persekitaran sekolah yang kondusif serta memberi impak yang signifikan dalam menjamin kecemerlangan pelajar.

Selain dari itu, PPPM 2013-2025 telah digubal bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian transformasi sistem pendidikan dan antara matlamat utamanya adalah untuk memastikan setiap sekolah diterajui oleh pemimpin yang berprestasi tinggi. Beban pentadbiran pemimpin sekolah juga akan dikurangkan supaya setiap pemimpin memberikan tumpuan kepada amalan kepimpinan instruksional. Tugas utama pemimpin sekolah yang sepatutnya adalah menjalankan tugas mereka sebagai pemimpin instruksional dengan cemerlang dan berkesan. Peranan kepimpinan instruksional dilihat realistik dan mampu menjadi indikator penentu kepada kecemerlangan pendidikan yang dihasratkan. Seseorang pemimpin sekolah harus bijak dan bersedia melaksanakan peranan utama mereka sebagai pemimpin instruksional di sekolah. Kajian yang terdahulu membuktikan bahawa elemen terpenting yang menentukan sama ada pengetua sesebuah sekolah itu boleh dikategorikan sebagai efektif atau tidak adalah melalui kemampuan untuk melaksanakan tugas sebagai pemimpin instruksional (Hallinger, 2012, 2011 & 2008; Ishak, 2004; Leithwood & Levin, 2010; Simin et al., 2015).

Dalam abad ke 21 ini, pemimpin instruksional perlu mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang berterusan dengan menggalakkan guru

meneroka, bertanya dan berbincang tentang amalan pengajaran yang terbaik bagi menjamin kecemerlangan pelajar dan sekolah. Seseorang pemimpin sekolah bertanggungjawab terhadap peningkatan pencapaian pelajar (Bush, 2011) dan peranan pemimpin sekolah bukan hanya tertumpu kepada pengurusan semata-mata tetapi sepatutnya lebih sebagai pemimpin instruksional (Hallinger, 2012). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan Model Kepimpinan Instruksional oleh Hallinger (2011) yang seterusnya dijadikan asas dalam pembinaan kerangka teori kajian ini. Model ini berjaya menerangkan berkaitan tugas dan tingkah laku yang perlu dilaksanakan oleh seseorang pengetua sebagai pemimpin instruksional bermula dari menetapkan matlamat sekolah, mengurus program pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah sehinggalah kepada keadaan iklim sekolah yang boleh menyumbang kepada kejayaan pencapaian pelajar. Penglibatan dan perhubungan antara pengetua dan warga sekolah dititikberatkan dalam model ini kerana menurut pengkaji kejayaan pelajar dalam akademik dipengaruhi oleh dorongan dan sokongan dari pengetua. Kesemua aspek ini adalah peranan pengetua secara keseluruhannya bagi menjamin keberkesanan sekolah. Model kepimpinan instruksional Hallinger (2011) ini mempunyai tiga dimensi iaitu mentakrif matlamat sekolah, mengurus program instruksional dan menggalakkan iklim sekolah.

### **Efikasi Kendiri Guru**

Sebelum seseorang guru itu komited dan bertindak beliau seharusnya mempunyai efikasi sendiri yang tinggi. Melalui kajian empirikal (Dibapile, 2012; Mohd Yusri & Aziz, 2014; Richardson, 2011; You, Kim, & Lim, 2015; Yu-Liang, 2009;) telah berjaya membuktikan bahawa efikasi sendiri mempunyai hubungan yang positif dengan komitmen dan kejayaan guru di dalam mendidik pelajar dan seterusnya menghasilkan pencapaian sekolah cemerlang yang menjurus kepada keberkesanan sekolah. Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (2001) berpendapat efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru untuk mempunyai keupayaan diri dalam menyusun atur dan melaksanakan satu siri tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan satu tugas pengajaran dalam konteks yang lebih spesifik. Berdasarkan itu, guru perlu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi bagi melahirkan budaya kerja yang cekap dan berkesan. Kebelakangan ini, sistem pendidikan Malaysia telah menjadi tumpuan masyarakat dan sering diperdebatkan memandangkan harapan dari ibu bapa telah meningkat dan mereka telah menyuarakan kebimbangan terhadap kebolehan sistem pendidikan ini dalam menyediakan generasi muda Malaysia bagi menghadapi cabaran dalam abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Apakah yang menyebabkan terjadinya fenomena ini berlaku dan adakah bebanan perlu diletakkan di atas bahu pengetua

atau guru? Masyarakat umum telah memberikan pelbagai tanggapan dan andaian berkaitan profesion pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan pengetua dan guru di sekolah. Namun profesion dalam bidang pendidikan memerlukan mereka menggalas tugas dan cabaran yang hebat dalam mendidik, membimbing dan menunjuk ajar dalam proses membentuk seorang manusia menjadi modal insan yang berharga. Pelbagai cabaran, halangan dan perubahan '*ad-hoc*' perlu dihadapi dalam melaksanakan konteks tugas mereka di bilik darjah dan sekolah. Tambahan pula, dalam PPPM 2013-2025, kerajaan telah dengan jelas menyatakan hasrat untuk meningkatkan kualiti guru dan kepimpinan sekolah bagi menambahkan lagi keberkesanan organisasi pendidikan negara. Malahan melalui perubahan dan inovasi yang berlaku dalam bidang pendidikan memerlukan efikasi kendiri yang tinggi dalam kalangan guru agar dapat menyesuaikan diri dengan situasi semasa (Dibapile, 2012). Guru perlu mempunyai jati diri dan keyakinan serta efikasi yang tinggi dalam menghadapi pelbagai situasi dan cabaran dalam pendidikan. Justeru itu, efikasi guru diberikan penekanan kerana sikap ini memberi kesan kepada daya usaha guru dalam proses pengajaran mereka. Model efikasi kendiri guru yang dijadikan rujukan dalam kajian ini ialah Model Efikasi Kendiri Guru oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001). Model ini mengandungi tiga dimensi iaitu strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan pelajar.


## **KAEDAH**

### **Soalan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi kendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan. Berdasarkan itu, soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah menengah Negeri Sembilan?
2. Apakah tahap efikasi kendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan efikasi kendiri guru sekolah menengah Negeri Sembilan?
4. Dimensi yang manakah dalam komponen kepimpinan instruksional pengetua merupakan peramal yang dominan dalam menggalakkan efikasi kendiri guru sekolah menengah Negeri Sembilan?
5. Apakah bentuk model yang boleh dibangunkan untuk meramal kesepadanan hubungan antara, amalan kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi kendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan?

## Kerangka Konseptual Kajian



**Rajah 1:** Kerangka Kenseptual Kajian

## Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kuantitatif kerana menurut Creswell (2014), kaedah ini sesuai untuk menjelaskan hubungan antara dua pemboleh ubah yang terlibat iaitu pemboleh bebas (kepimpinan instruksional) dan pemboleh ubah bersandar (efikasi sendiri guru). Data bagi kajian ini dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan dan berbentuk bukan eksperimental secara kajian rentas.

## Populasi dan sampel Kajian

Populasi kajian adalah semua guru sekolah menengah kebangsaan di Negeri Sembilan. Sampel kajian dipilih berdasarkan persampelan rawak berstrata yang merangkumi beberapa peringkat iaitu persampelan rawak berkadaran, persampelan rawak mudah dan persampelan rawak sistematik. Sebanyak 500 soal selidik telah ditadbirkan dan hanya 396 soal selidik lengkap (79.2%) digunakan sebagai data kajian untuk dijalankan analisis.

## Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian A ialah soal selidik yang berkaitan dengan demografi responden seperti umur, jantina dan pengalaman bekerja, Bahagian B adalah soal selidik kepimpinan instruksional pengetua dan Bahagian C adalah soal selidik efikasi sendiri guru. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah diterjemahkan dan diadaptasi daripada soal selidik “*Principals Instructional Management Rating Scale*” (PIMRS) oleh Philip Hallinger (2011) yang mengandungi 50 item. Manakala soal selidik efikasi sendiri guru mengandungi 24 item dan diubahsuai dari ‘*Teacher Sense of Efficacy Scale*’ (Tschannen-Moran dan Hoy, 2001).

## Analisis Data

Data numerikal yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan SPSS dan AMOS-SEM. Analisis deskriptif dan inferensi dilaksanakan menggunakan SPSS bagi menjawab semua soalan kajian. Analisis deskriptif yang menunjukkan nilai min dan sisihan piawai adalah untuk menjawab soalan kajian satu dan dua. Statistik inferensi dengan menggunakan ujian korelasi Pearson bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah manakala ujian korelasi pelbagai (*stepwise*) adalah untuk mengenalpasti peramal utama kepimpinan instruksional pengetua yang mempengaruhi efikasi kendiri guru. Akhirnya, AMOS-SEM telah digunakan untuk mengetahui sama ada data yang diperolehi mempunyai kesepadanan dengan model cadangan kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi kendiri guru Negeri Sembilan.

## KEPUTUSAN

### Apakah tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah menengah Negeri Sembilan?

Hasil dari analisis deskriptif berdasarkan data yang diperolehi dari 396 guru sekolah menengah di Negeri Sembilan ditunjukkan dalam Jadual 1 dibawah.

**Jadual 1:** Min, Sisihan Piawai dan Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua (N=396)

| Dimensi dan Sub-dimensi Kepimpinan Instruksional | Min (M) | Sisihan Piawai (SP) | Tahap Amalan |
|--------------------------------------------------|---------|---------------------|--------------|
| Mentakrif Matlamat Sekolah                       | 7.70    | 1.302               | Tinggi       |
| Mengurus Program Instruksional                   | 7.18    | 1.376               | Tinggi       |
| Menggalakkan Iklim Sekolah                       | 6.99    | 1.429               | Tinggi       |
| Min keseluruhan                                  | 7.19    | 1.304               | Tinggi       |

Keputusan analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di atas menunjukkan pada keseluruhannya amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah menengah di Negeri Sembilan berada pada tahap yang tinggi ( $M = 7.19$ ,  $SP = 1.304$ ) berdasarkan persepsi guru. Tahap amalan dimensi mentakrif matlamat sekolah menunjukkan min ( $M = 7.70$ ,  $SP = 1.302$ ) yang lebih tinggi daripada min keseluruhan ( $M = 7.19$ ), manakala dimensi mengurus program instruksional ( $M = 7.18$ ,  $SP = 1.376$ ) dan dimensi menggalakkan iklim sekolah ( $M = 6.99$ ,  $SP = 1.429$ ) menunjukkan nilai min yang lebih rendah dari min keseluruhan.

### Apakah tahap efikasi sendiri guru sekolah menengah Negeri Sembilan.

Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis deskriptif berkaitan tahap efikasi sendiri guru secara keseluruhan dan berdasarkan dimensi.

**Jadual 2:** Min, Sisihan Piawai dan Tahap Efikasi Kendiri Guru (N=396)

| Dimensi Efikasi Kendiri Guru | Min (M) | Sisihan Piawai (SP) | Tahap Amalan |
|------------------------------|---------|---------------------|--------------|
| Pengurusan Bilik Darjah      | 7.79    | 1.077               | Tinggi       |
| Strategi Pengajaran          | 7.76    | 1.097               | Tinggi       |
| Penglibatan Pelajar          | 7.61    | 1.132               | Tinggi       |
| Min keseluruhan              | 7.72    | 1.047               | Tinggi       |

Berdasarkan Jadual 2, didapati min keseluruhan efikasi sendiri guru adalah  $M=7.72$ . Ini menunjukkan tahap efikasi sendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan berada pada tahap tinggi ( $M=7.72$ ,  $SP=1.047$ ). Terdapat dua dimensi iaitu dimensi strategi pengajaran ( $M=7.76$ ,  $SP=1.097$ ) dan pengurusan bilik darjah ( $M=7.79$ ,  $SP=1.077$ ) mempunyai nilai min yang lebih tinggi daripada min keseluruhan ( $M=7.72$ ). Dimensi yang mempunyai min yang lebih rendah daripada min keseluruhan ialah dimensi penglibatan pelajar ( $M=7.61$ ,  $SP=1.132$ ). Dari analisis juga menunjukkan guru sekolah menengah di Negeri Sembilan mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi bagi ketiga-tiga dimensi yang diukur.

### Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan efikasi sendiri guru sekolah menengah Negeri Sembilan?

Ujian Korelasi Pearson telah dijalankan bagi menganalisis hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi sendiri guru sekolah. Dapatan dari analisis ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3:** Korelasi antara Kepimpinan Instruksional Pengetua dan Efikasi Kendiri Guru

| Dimensi                                  | Efikasi Kendiri Guru |                |             |
|------------------------------------------|----------------------|----------------|-------------|
|                                          | r                    | r <sup>2</sup> | Sig**       |
| Mentakrif matlamat sekolah               | .575                 | .331           | .000        |
| Mengurus program instruksional           | .578                 | .334           | .000        |
| Menggalakkan iklim sekolah               | .571                 | .326           | .000        |
| <b>Kepimpinan Instruksional Pengetua</b> | <b>.611</b>          | <b>.373</b>    | <b>.000</b> |

Nota: \*\*korelasi adalah signifikan pada tahap  $p<.01$

Hasil analisis mendapati bahawa hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi kendiri guru adalah signifikan secara statistik dan positif ( $r = .611$ ,  $p < .01$ ). Walau bagaimanapun, hubungan yang ditunjukkan adalah pada tahap sederhana kuat. Nilai varian ( $r^2 = .373$ ) menunjukkan bahawa 37.3% daripada perubahan keseluruhan efikasi kendiri guru adalah disebabkan oleh faktor kepimpinan instruksional pengetua. Manakala 62.7% perubahan lagi dalam efikasi kendiri guru mungkin disebabkan oleh faktor lain. Ini menunjukkan terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan efikasi kendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan.

### **Dimensi yang manakah dalam komponen kepimpinan instruksional pengetua merupakan peramal yang dominan dalam menggalakkan efikasi kendiri guru sekolah menengah Negeri Sembilan?**

Analisis regresi pelbagai (*Multiple Regression*) digunakan oleh pengkaji bagi mengenal pasti kesan setiap dimensi dalam kepimpinan instruksional pengetua (pemboleh ubah bebas) yang merupakan peramal dominan dalam menggalakkan efikasi kendiri guru (pemboleh ubah bersandar) sekolah menengah di Negeri Sembilan.

**Jadual 4:** Analisis Regresi Pelbagai (Stepwise): Penyumbang terhadap perubahan dalam efikasi kendiri guru.

| <b>Dimensi Kepimpinan Instruksional</b> | <b>B</b> | <b>Beta (<math>\beta</math>)</b> | <b>Nilai t</b> | <b>Sig. t</b> | <b>R<sup>2</sup></b> | <b>Sumbangan (%)</b> |
|-----------------------------------------|----------|----------------------------------|----------------|---------------|----------------------|----------------------|
| Mengurus Program Instruksional          | .439     | .578                             | 14.050         | .019          | .334                 | 33.4                 |
| Mentakrif Matlamat Sekolah              | .213     | .264                             | 3.883          | .000          | .370                 | 3.6                  |
| Menggalakkan Iklim Sekolah              | .152     | .207                             | 2.700          | .007          | .382                 | 1.2                  |
| Pemalar ( <i>Constant</i> )             | 3.968    |                                  | 15.741         | .000          |                      |                      |

Hasil dari analisis regresi pelbagai dari Jadual 4 menunjukkan bahawa kesemua dimensi kepimpinan instruksional pengetua mempunyai korelasi dan memberikan sumbangan (38.2%) yang signifikan secara statistik ( $p < .05$ ) kepada efikasi kendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan. Ini menunjukkan bahawa kesemua dimensi kepimpinan instruksional pengetua merupakan peramal secara signifikan kepada efikasi kendiri guru. Peramal utama dan tertinggi kepada efikasi kendiri guru sekolah menengah Negeri Sembilan ialah dimensi mengurus program instruksional ( $\beta = .578$ ,  $t = 14.050$  dan  $p = .000$ ). Ujian-t yang signifikan secara statistik pada  $p < .05$  dan nilai R kuasa dua ( $R^2 = .334$ ) menunjukkan sumbangan dimensi mengurus program instruksional sebanyak 33.4% terhadap efikasi kendiri guru. Keadaan ini menunjukkan apabila skor kepimpinan instruksional

pengetua bagi dimensi mengurus program instruksional bertambah sebanyak satu unit, tahap efikasi sendiri guru bertambah sebanyak .578 unit. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional pengetua bagi dimensi mengurus program instruksional adalah faktor peramal utama yang menyumbang sebanyak 33.4% kepada efikasi sendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan. Peramal kedua yang turut menyumbang sebanyak 3.6% kepada efikasi sendiri guru ialah dimensi mentakrif matlamat sekolah ( $\beta = .264$ ,  $t = 3.883$  dan  $p = .000$ ). Keputusan ujian-t juga signifikan secara statistik pada  $p < .05$  dan nilai R kuasa dua ( $R^2 = .370$ ). Ini bermakna apabila skor kepimpinan instruksional pengetua bagi dimensi mentakrif matlamat sekolah bertambah sebanyak satu unit, efikasi sendiri guru turut bertambah sebanyak .264 unit. Pemboleh ubah peramal yang ketiga terpenting yang menyumbang sebanyak 1.2% kepada efikasi sendiri guru ialah dimensi menggalakkan iklim sekolah ( $\beta = .207$ ,  $t = 2.700$  dan  $p = .007$ ). Ini menunjukkan apabila skor menggalakkan iklim sekolah bertambah sebanyak satu unit, maka efikasi sendiri guru bertambah sebanyak .207 unit. Dapatan ini menjelaskan bahawa kepimpinan instruksional pengetua bagi dimensi menggalakkan iklim sekolah menyumbang sebanyak 1.2% kepada efikasi sendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan.

**Jadual 5:** Analisis Regresi Pelbagai (*Stepwise*): Analisis Varians


| Sumber  | Jumlah Kuasa Dua | Darjah Kebebasan | Min Kuasa Dua | Nilai F | Tahap Signifikan (p) |
|---------|------------------|------------------|---------------|---------|----------------------|
| Regresi | 165.265          | 3                | 55.088        | 80.679  | .000                 |
| Residul | 267.660          | 392              | .683          |         |                      |
| Jumlah  | 432.925          | 395              |               |         |                      |

Nota: \*signifikan pada  $p < .05$

Keputusan ujian-F pada Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah bebas dengan efikasi sendiri guru  $F(3,392) = 80.679$  pada aras kesignifikan  $p < .05$ . Keputusan analisis regresi pelbagai yang dijalankan memberikan nilai R Kuasa Dua ( $R^2 = .382$ ) menunjukkan perubahan dalam kombinasi tiga dimensi kepimpinan instruksional pengetua iaitu dimensi mentakrif matlamat sekolah, mengurus program instruksional dan menggalakkan iklim sekolah menyumbang sebanyak 38.2% terhadap perubahan dalam efikasi sendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan. Ini bermakna terdapat 69.8% perubahan dalam efikasi sendiri guru yang tidak dapat diramal mungkin disebabkan oleh pemboleh ubah-pemboleh ubah yang lain (faktor lain) yang tidak dikaji dalam kajian ini.

## Apakah bentuk model yang boleh dibangunkan untuk meramal kesepadanan hubungan antara, amalan kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi kendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan?

Analisis model persamaan struktural (*structural equation modeling* –SEM) kajian ini diaplikasikan bagi menguji kesepadanan model dengan data kajian yang dikumpulkan dari guru sekolah menengah di Negeri Sembilan dan seterusnya membentuk model untuk menunjukkan hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi kendiri guru.



**Rajah 2:** Model Persamaan Struktural Hubungan Kepimpinan Instruksional Pengetua dan Efikasi Kendiri Guru.

Analisis SEM yang dijalankan menunjukkan wujud kesepadanan model cadangan dengan data kajian dengan nilai indeks RMSEA= .049 (<.08), nilai indeks GFI =.987 (>.90), CFI =.997 (>.90) dan Ratio Chisq/df = 1.946 (<5.0). Statistik kesepadanan model persamaan struktural berjaya menunjukkan bahawa kesemua indeks kesepadanan model menepati nilai seperti yang disarankan. Ini jelas menunjukkan bahawa model yang dibina mempunyai kesepadanan dengan data yang diperolehi dari guru sekolah menengah di Negeri Sembilan. Jadual 6 dibawah menunjukkan analisis laluan hubungan yang signifikan secara statistik bagi setiap pemboleh ubah. Nilai pemberat regresi (C.R) bagi laluan hubungan antara kecerdasan emosi pengetua dengan efikasi kendiri guru menepati syarat yang ditetapkan iaitu mempunyai nilai C.R melebihi nilai kritikal  $\pm 1.96$  (pada

**Jadual 6:** Laluan Hubungan Model Persamaan Struktural Antara Setiap Pemboleh Ubah Kajian.

| Pemboleh ubah         | Nilai $\beta$ | Estimate | S.E  | Nisbah Kritikal (C.R) | Tahap Signifikan | Keputusan  |
|-----------------------|---------------|----------|------|-----------------------|------------------|------------|
| EKG $\leftarrow$ KIP  | .652          | .616     | .045 | 13.566                | ***              | Signifikan |
| IID1 $\leftarrow$ KIP | .852          | 1.000    |      |                       |                  |            |
| IID2 $\leftarrow$ KIP | .933          | 1.158    | .046 | 25.053                | ***              | Signifikan |
| IID3 $\leftarrow$ KIP | .900          | 1.160    | .049 | 23.857                | ***              | Signifikan |
| EgD1 $\leftarrow$ EKG | .917          | .959     | .031 | 31.346                | ***              | Signifikan |
| EgD2 $\leftarrow$ EKG | .929          | .953     | .029 | 32.403                | ***              | Signifikan |
| EgD3 $\leftarrow$ EKG | .927          | 1.000    |      |                       |                  |            |

Nota: \*\*\*Signifikan pada  $p < .001$

Petunjuk: KIL = Kepimpinan instruksional pengetua, EKG = Efikasi sendiri guru

aras  $p = .05$ ) dan signifikan secara statistik. Indikator yang diukur bagi kajian ini juga merupakan peramal kepada pemboleh ubah laten seperti mana yang ditunjukkan oleh keputusan analisis *Squared Multiple Correlation* ( $R^2$ ). Analisis  $R^2$  menunjukkan indikator (item-item) yang diuji merupakan peramal kepada pembolehubah bebas dan bersandar dengan nilai antara .425 hingga .870. Ini membuktikan indeks penilaian model ini mempunyai kesepadanan dengan data yang dikaji.

Hasil analisis kajian ini juga menunjukkan kesan pengaruh langsung pemboleh ubah kepimpinan instruksional pengetua ke atas efikasi sendiri guru adalah signifikan secara statistik. Kesan pengaruh langsung ini ditunjukkan melalui nilai beta ( $\beta = .65$ ) yang signifikan. Nilai  $r^2 = .42$  menunjukkan kesan saiz (*effect size*) kepimpinan instruksional pengetua terhadap efikasi sendiri guru. Menurut Cohen (1988) nilai .42 menunjukkan kesan saiz adalah besar, memberikan keputusan bahawa kepimpinan instruksional pengetua mempunyai pengaruh yang besar terhadap efikasi sendiri guru.

## PERBINCANGAN

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa menurut persepsi guru sekolah menengah di Negeri Sembilan, pengetua menunjukkan amalan kepimpinan instruksional pada tahap yang tinggi secara keseluruhannya. Dimensi mentakrif matlamat sekolah merupakan dimensi yang berada pada tahap yang tertinggi diikuti oleh dimensi mengurus program instruksional dan menggalakkan iklim sekolah. Dapatan ini menyokong dapatan oleh Mendels (2012) dan Abdul Said

et al., (2014) iaitu kepimpinan berkesan bermula dari proses penetapan matlamat yang menjurus kepada komitmen yang tinggi dari warga sekolah. Pengetua sebagai pemimpin dan sumber rujukan utama proses instruksional perlu menguasai dan jelas tentang matlamat sekolah agar difahami dan disampaikan kepada warga sekolah termasuklah pemegang taruh '*stake holders*' (Sekhu, 2011). Seterusnya dapatan kajian ini pada keseluruhannya mendapati guru sekolah menengah di Negeri Sembilan mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi di mana setiap dimensi turut berada pada tahap yang tinggi. Dimensi efikasi sendiri pada tahap tertinggi ialah dimensi pengurusan bilik darjah, diikuti oleh strategi pengajaran dan penglibatan pelajar. Tahap efikasi sendiri guru yang tinggi ini menunjukkan bahawa guru sekolah menengah di Negeri Sembilan mempunyai keyakinan yang tinggi dalam pengajaran walaupun dikelilingi oleh pelajar yang pelbagai latar belakang. Hasil dapatan kajian ini juga menyokong kajian terdahulu yang dilakukan oleh Aziah et al., (2015), Azizuddin et al., (2015), Norita (2012) dan Richardson (2011). Bandura (1997) turut mendapati guru yang berefikasi sendiri tinggi sentiasa memperbaiki pencapaian dan bermotivasi tinggi. Efikasi sendiri guru adalah penting dalam memastikan guru mempunyai kepercayaan dan keyakinan untuk cemerlang dalam proses pengajaran di bilik darjah agar selari dengan dunia pendidikan yang sentiasa mengalami perubahan termasuklah perubahan dari aspek kurikulum, kokurikulum dan tugas guru yang semakin mencabar yang memerlukan guru mempunyai motivasi dan lebih komited untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan. Efikasi sendiri guru perlu berada pada tahap tinggi agar setiap perubahan yang mendadak (*ad-hoc*) mampu diuruskan dengan baik bagi memenuhi kehendak pelbagai pihak tambahan pula dengan tugas guru yang rencam. Guru yang mempunyai efikasi tinggi dapat mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh organisasi (Masitah et al., 2013), menjadi pendorong utama kepada perkembangan pendidikan yang membawa negara memasuki peradaban dunia pendidikan yang semakin mencabar (Teng, 2006) dan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tugas profesional yang dipertanggungjawabkan (Magno & Sembrano, 2008).

Kajian ini juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan secara statistik dan positif antara kepimpinan instruksional pengetua dan keempat-empat dimensinya dengan efikasi sendiri guru, namun kekuatan korelasi adalah pada tahap yang sederhana. Ini membuktikan kepimpinan instruksional pengetua mempengaruhi efikasi sendiri guru. Didapati apabila amalan kepimpinan instruksional pengetua meningkat maka efikasi sendiri guru sekolah menengah akan turut meningkat. Dapatan ini menyokong kajian oleh Calik et al., (2012) dan Goddard et al., (2015) yang mendapati apabila pengetua mengamalkan kepimpinan instruksional maka efikasi guru meningkat dan lebih komited dalam pengajaran disamping berusaha mencapai matlamat organisasi. Pengetua perlu menyokong dan memperbaiki pembelajaran pelajar dengan mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam strategi

pengajaran. Apabila guru yakin dan sentiasa bermotivasi dalam pengajaran, maka proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan bagi mencapai matlamat sekolah yang telah ditetapkan iaitu melahirkan pelajar yang cemerlang.

